

Relevansi Tasawuf dan Pembangunan Rohani Insan: Satu Sorotan Awal

BITARAVolume 1, Issue 4, 2018: 071-084
© The Author(s) 2018
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>

[The Relevance of Sufism and Human Spiritual Development: An Early Highlight]

Safiah Abd Razak¹, Che Zarrina Sa'ari² & Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman²

Abstrak

Pembangunan rohani insan merupakan antara topik penting dalam agenda pembangunan ummah hakiki. Kealpaan dan kelalaian masyarakat Islam terhadap pembangunan rohani akan mengundang pelbagai permasalahan dalam kehidupan manusia sejagat. Rohani yang lemah, pincang dan penuh kekotoran akan melahirkan individu masyarakat yang lemah imannya, buruk peribadinya malah menimbulkan pelbagai kerosakan dalam masyarakat. Pendek kata pembinaan tamadun dan peradaban manusia yang berteraskan kekuatan iman dan keteguhan akhlak tidak akan mampu dicapai sekiranya aspek rohani diabaikan. Ilmu tasawuf dilihat sebagai jalan dan kaedah terbaik bagi mencapai matlamat membangun rohani memandangkan ilmu tasawuf merupakan satu ilmu yang memberi tumpuan dan penekanan utama kepada aspek penyucian dan pembersihan hati manusia. Ulama tasawuf semenjak dahulu berusaha mendidik dan membentuk masyarakat agar bersih rohaninya, benar tawhidnya dan mulia akhlaknya melalui metodologi dan pendekatan tasawuf. Kajian ini bertujuan untuk melihat sejauhmanakan relevansi ilmu tasawuf dalam membangunkan aspek jiwa atau rohani manusia yang dilihat sebagai tunjang utama pembangunan manusia seluruhnya. Kajian ini menggunakan metode kepustakaan. Data-data yang diperolehi telah dianalisis secara kritis bagi mencapai objektif kajian ini. Hasil kajian mendapati disiplin ilmu tasawuf dilihat relevan dan memainkan peranan yang besar dalam membantu membangunkan insan semenjak dahulu hingga hari ini. Penekanan tasawuf terhadap usaha tarbiyyah kerohanian dengan meletakkan pelbagai garis panduan dan kaedah seperti berzikir kepada Allah boleh menanam kekuatan dalaman dan menjadi sumber nilai yang kuat untuk dijadikan panduan hidup. Kaedah pengikisan sifat mazmumah, penerapan sifat mahmudah, berakhlak dan mempunyai hubungan yang baik sesama makhluk dapat membentuk insan sejati yang diredai Allah dan seterusnya mampu memberikan kesejahteraan dan keharmoniaan dalam kehidupan manusia sejagat. Konsep pembangunan rohani berasaskan pendekatan tasawuf ini mampu menjadi salah satu alternatif dalam usaha membangunkan manusia masa kini.

Kata Kunci

Relevansi, Tasawuf, Pembangunan Rohani.

Abstract

Human spiritual wellbeing is one of the most critical topics on the agenda for the growth of the real community. The indifference and negligence of the Muslim community over spiritual growth poses several problems in human life. The frail, lame, and impure spirit will give birth to individuals who are frail in their religion, their evil, and even cause harm to society. In short, the building up of empires and human societies founded on the strength of faith and moral fortitude cannot be

¹Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah, Pahang, Malaysia.
Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.

Corresponding Author:

Safiah Abd Razak, Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah, Pahang, Malaysia.
E-mail: safiah@kuiipas.edu.my

accomplished if the spiritual dimension is overlooked. Sufism is seen as the best way to accomplish the goal of spiritual growth, as it is a philosophy that focuses on and emphasizes the purifying and purifying aspects of the human heart. The scholars of Sufism have long tried to educate and shape the culture in order to keep themselves spiritually safe, just and virtuous through the philosophy and approach of Sufism. The goal of this thesis is to explore the role of Sufism in the development of human or spiritual aspects as a key element of human development. This research uses the method of the library. The data collected were objectively analyzed to achieve the objectives of this study. The findings show that the study of science is seen as important and plays a key role in helping human beings to evolve from the past. The focus of Sufism on the spiritual actions of the tarbiyyah, by setting various guidelines and methods, such as remembering God, can develop inner strength and become a powerful source of meaning for life guidance. Methods of eradicating the essence of the family, the application of modesty, good manners and good relations with the creatures can create a true human being who is pleasing to God and can thus lead to the well-being and peace of human life. This idea of spiritual development based on the Sufism philosophy could be one of the alternatives to the advancement of modern humanity.

Kata Kunci

Relevansi, Tasawuf, Pembangunan Rohani.

Cite This Article:

Safiah Abd Razak, Che Zarrina Sa'ari & Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman. 2018. Relevansi Tasawuf dan Pembangunan Rohani Insan: Satu Sorotan Awal. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 1(4): 71-84.

Pengenalan

Asas pembinaan sesuatu tamadun bukan hanya bergantung kepada kekuatan fizikal semata-mata, namun ia juga berpaksikan keteguhan jiwa atau rohani sesuatu bangsa. Kemantapan rohani ibarat tunjang utama kepada keutuhan sesuatu bangsa (Che Haslina Abdullah 2013). Pembangunan tamadun barat yang menyetepikan aspek kerohanian manusia ternyata gagal dalam agenda pembangunan ummah hakiki. Mohd Fauzi Hamat dan Khairul Naim (2012) menyatakan agenda pembangunan globalisasi dengan pasaran bebas yang bertunjangkan idea kapitalis telah benar-benar membawa kesan tragik kepada masyarakat sejagat. Kapitalisme dianggap telah memberi dua sumbangan kepada masyarakat sejagat iaitu kejayaan yang kecil dan kegagalan yang besar. Ia membangunkan sains dan teknologi serta meningkatkan produktiviti manusia, tetapi bukan untuk manfaat dan kebaikan semua masyarakat bahkan dikawal oleh pihak-pihak tertentu dan berkepentingan. Selain itu, ekonomi dieksploitasi dan disalahguna menyebabkan berlakunya ketidakseimbangan ketara antara negara kaya dan negara miskin dan antara golongan terkaya di dunia dan golongan termiskin di dunia.

Siddiq (2014) mengemukakan pandangan John Naisbit dalam bukunya *High Tech High Touch* yang menyatakan manusia hari ini telah mengalami keracunan teknologi (*technological intoxication*) yang ditandai gejala-gejala seperti sikap mengutamakan sesuatu bersifat serba segera, menakuti dan menyembah teknologi, kekaburan antara yang benar daripada yang palsu, menerima keganasan sebagai perkara normal dan kehidupan terasing atau jarak jauh.

Perbincangan di atas membuktikan bahawa pemikiran dan gaya hidup barat yang berpaksikan kapitalisme dan materialisme tidak sesuai dan tidak diterima dalam agenda pembangunan insan sejati menurut perspektif Islam. Islam yang menjunjung prinsip khalifah

sebagai berperan memakmurkan bumi dan memelihara agama menolak sebarang ideologi Barat yang terbukti mengutamakan kebendaan semata-mata. Pembangunan hakiki menurut Islam hakikatnya adalah mementingkan pembangunan jasmani dan rohani manusia secara seimbang. Islam tidak menghalang umatnya mengejar kemajuan dalam pembangunan. Malahan membangun alam dan memakmurkannya adalah antara tugas manusia sebagai khalifah Allah sebagaimana yang dinyatakan oleh Ibn Khaldun (2000) bahawa tugas khalifah adalah memelihara agama dan mentadbir dunia (*Harasat al-din wa siyasa al-dunya*). Islam menuntut pembangunan itu diurus dan ditadbir mengikut landasan syariat agar kehidupan manusia sejahtera dan harmoni dan tidak melampauinya. Jika sebaliknya, kelak akan berlaku kerosakan dan kemusnahan (Zulkifli 2004). Hal ini sebagaimana firman Allah dalam surah *al-Rum*, ayat 41, yang bermaksud:

“Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia; (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat).”

Sejajar dengan peranan manusia sebagai khalifah Allah, Allah melarang manusia melakukan apa jua kerosakan di muka bumi sebagaimana firman-Nya dalam surah *al-A'raaf*, ayat 56, yang bermaksud:

“Dan janganlah kamu berbuat kerosakan di bumi sesudah Allah menyediakan segala yang membawa kebaikan padanya dan berdoa kepadaNya dengan perasaan bimbang (kalau-kalau tidak diterima) dan juga dengan perasaan terlalu mengharap (supaya makbul). Sesungguhnya rahmat Allah itu dekat kepada orang-orang yang memperbaiki amalannya”.

Apabila aspek kerohanian manusia diabaikan, maka manusia cenderung melakukan maksiat dan dosa yang akhirnya mengakibatkan kemusnahan dan kebinasaan sebagaimana firman-Nya dalam surah *al-Isra'*, ayat 16-17:

“Dan apabila sampai tempoh Kami hendak membinasakan penduduk sesebuah negeri, Kami perintahkan (lebih dahulu) orang-orang yang melampau dengan kemewahan di antara mereka (supaya taat), lalu mereka menderhaka dan melakukan maksiat padanya; maka berhaklah negeri itu dibinasakan, lalu kami menghancurkannya sehancur-hancurnya (16) Dan berapa banyak umat-umat yang kami telah binasakan sesudah zaman Nabi Nuh; dan cukuplah Tuhanmu (wahai Muhammad) mengetahui lagi melihat akan dosa-dosa”.

Ibn Asyur dalam tafsirnya *al-Tahrir wa al-Tanwir* berkaitan ayat-ayat di atas menjelaskan bahawa sesuatu kaum yang hidup dalam kesejahteraan dan kemakmuran akan berubah menjadi mundur dan sengsara akibat perbuatan dosa yang mereka sendiri lakukan secara berterusan dan berleluasa (Ibn Asyur 1984).

Definisi Tasawuf

Terdapat pelbagai pendapat tentang pengertian tasawuf yang dikemukakan oleh ilmuan Islam. Secara etimologinya, Tasawuf diambil daripada perkataan suf iaitu baju bulu yang dibuat daripada bulu kambing. Pendapat ini adalah pendapat yang paling tepat jikalau ditinjau daripada sudut bahasa. Kaum sufi memakai pakaian daripada kain bulu kasar yang menjadi pakaian kebiasaan para Nabi dan *Siddiqin*. Pakaian ini merupakan lambang kepada ilmu, akhlak, amalan dan *ahwal* golongan sufi. Ia juga menjadi lambang zuhud dan ketekunan beribadah ('Abdul Ghani Qasim 1989).

Kata tasawuf juga dinisbahkan kepada *al-Suffah* iaitu satu tempat di belakang masjid Nabawi. Ia merupakan tempat kediaman para mukmin yang fakir dan hidup terlalu zuhud terdiri daripada golongan muhajirin dan Ansar. Cara hidup mereka memiliki persamaan dengan golongan sufi iaitu zuhud kepada kehidupan dunia dan suka beribadah kepada Allah (al-Kalabazi 2013).

Tasawuf juga dikatakan berasal daripada kalimah *safa* yang bermaksud jernih dan bersih. Ia mempunyai kaitan kerana kejernihan dan kebersihan merupakan unsur penting dalam tasawuf dan sufi (Mubarak 1988).

Secara terminologinya, pengertian tasawuf turut mempunyai pelbagai pendapat antaranya menurut al-Qattan, tasawuf adalah akhlak. Sesiapa yang bertambah akhlaknya, maka bertambahlah kesucian jiwanya kerana ketinggian hemah mereka dan kesungguhan mereka beribadah kepadaNya (Muhammad Ibrahim 1988).

Menurut Junaid al-Baghdadi (297H/910M), tasawuf ialah pembersihan hati dari bawaan arus manusia dan memisahkan akhlak tabiiyyah, memadamkan sifat-sifat basariyyah, menjauhi pujukan nafsiyyah, menerjuni sifat rohaniyyah berpegang teguh dengan ilmu hakiki mengutamakan yang abadi, menasihati untuk kesatuan umat, setia kepada Allah dengan sebenar-benarnya dan mengikuti Rasulullah s.a.w dalam perjalanan syariat (Ahmad Ata' 1987).

Abu al-Qasim al-Qushayri (405H/1073M) menyebutkan bahawa tasawuf sebagai ajaran yang mengagungkan al-Qur'an dan sunnah, berjuang mengendalikan nafsu, menjauhi perbuatan bid'ah, mengendalikan syahwat, dan menghindari sikap meringankan ibadah (al-Shafi'i & al-Qajami 2007).

Zakariya al-Ansari (852H/1448M-925H/1519M) menjelaskan tasawuf sebagai cara menyucikan diri, meningkatkan akhlak dan membangun kehidupan jasmani dan rohani untuk mencapai kebahagiaan abadi. Unsur utama tasawuf adalah penyucian diri dan tujuan akhirnya adalah kebahagiaan dan keselamatan (Jalati 1998).

Menurut Ibn 'Ajiba (1809) tasawuf adalah suatu ilmu yang dengannya anda belajar berakhlak supaya sentiasa berada dalam kehadiran Allah melalui penyucian batin dan menghiasi dengan amal yang baik. Jalan tasawuf dimulai dengan ilmu, tengahnya adalah amal dan akhirnya adalah kurniaan Ilahi (Jalati 1998).

Daripada huraian dan penjelasan tentang definisi dan maksud tasawuf di atas dapat dirumuskan bahawa tasawuf adalah ilmu yang berkait rapat dengan pembersihan dan penyucian jiwa. Keutuhan dan kekuatan rohani kelak akan mampu menjana dan menjelmakan akhlak yang mulia dan terpuji pada diri seorang insan. Masyarakat yang beriman dan berakhlak mulia hakikatnya tunjang kepada pemeraksanaan tamadun ummah sejagat.

Definisi Pembangunan Rohani

Pembangunan berasal daripada perkataan ‘bangun’ yang membawa erti bangkit, berusaha membangunkan, memajukan serta mengembangkan (Teuku Iskandar 1984). Ia juga ditakrifkan sebagai perihal membangun, proses membangun (mencapai kemajuan, perkembangan dan sebagainya, usaha atau kegiatan membangun (Teuku Iskandar 1984).

Istilah pembangunan seringkali merujuk kepada pembangunan bersifat fizikal atau material semata-mata kesan daripada falsafah pembangunan menurut perspektif Barat yang hanya melihat sesuatu berasaskan apa yang boleh diukur dengan panca indera semata-mata (Faudzinain 2006). Menurut Syed Othman (2010) pembangunan merupakan proses peningkatan taraf hidup manusia daripada peringkat yang rendah kepada peringkat yang tinggi. Taraf hidup yang dimaksudkan adalah merangkumi aspek jasmani dan rohani. Pembangunan hanya dapat mencapai matlamatnya apabila adanya pengemblengan antara pembangunan jasmani dan pembangunan rohani yang berteraskan tauhid. Manakala rohani pula menurut Kamus Dewan bermaksud batin yang berkaitan dengan jiwa lawan kepada jasmani (Noraesah Baharom 2005). Rohani adalah sesuatu yang dikaitkan dengan roh yang bermakna susunan badan halus dan ghaib yang keberadaannya merupakan syarat utama proses kehidupan dan berkait rapat dengan kesedaran, fikiran dan keinginan (M. Shodiq 1998).

Sumbangan Tasawuf dan Ulama Tasawuf dalam Pembangunan Ummah

Sebelum perbincangan diluaskan berkaitan perkara di atas, terlebih dahulu ditinjau secara ringkas sumbangan dan peranan ulama tasawuf terhadap pembangunan ummah. Lembaran sejarah telah membuktikan ulama tasawuf merupakan golongan yang sangat mengambil berat tentang persoalan membangun insan yang soleh agar mereka mampu memakmurkan bumi Allah dengan penuh keimanan dan ketaatan sejajar dengan amanah mereka sebagai khalifah Allah di muka bumi.

Golongan sufi terbukti sama-sama berjuang mempertahankan kedaulatan negara Islam dan berjihad pada jalan Allah antaranya Uways al-Qarni, Abu Muslim al-Khawlani, al-Aswad bin Yazid, Hassan al-Basri dan ramai lagi. Abu Hassan al-Shadhili, ‘Abdul Qadir al-Jaziri, Sultan Muhammad al-Fateh dan Salah al-Din al-Ayyubi masyhur sebagai mujahid yang tegar menentang serangan tentera salib (Che Zarrina 2004).

Di Tanah Melayu, tokoh-tokoh sufi turut sama berjuang mempertahankan agama dan tanah air daripada penjajahan British seperti Tokku Paloh, Tok Bahaman, Mat Kilau, Tok gajah, Daud Fatani dan Abdul Samad al-Falimbani (al-Ghazali 1996). Sumbangan ahli sufi dalam bidang politik dan pentadbiran dapat dilihat dalam sejarah pengislaman Raja Kedah. Abdullah bin Ahmad bin Jaafar al-Yamani, seorang da’i sufi yang berperanan mengislamkan Seri Paduka Derbar Raja yang memerintah Qalha (531H) dan kemudiannya raja menggunakan nama Islamnya, Sultan Muzaffar Syah dan negeri ditukarkan kepada nama Kedah Darul Aman. Syeikh Abdulah telah dilantik sebagai penasihat dalam pelbagai urusan pemerintahan dan pentadbiran Negeri Kedah. Di Terengganu Tokoh sufi terkemuka, Tok

Pulau Manis berjaya menghubungkan gerakan dakwahnya dengan pihak berkuasa istana sebagai pusat pemerintahan sehingga mampu melindungi dan menyelamatkan Terengganu daripada penjajahan Kuasa Siam dan British (Idris & Idris 2008).

Dalam bidang ekonomi, sejarah mencatatkan bahawa golongan sufi telah memberikan sumbangan besar dalam aspek ekonomi. Ini sekaligus menolak tuduhan sesetengah pihak bahawa golongan sufi tidak suka bekerja, tidak peduli akan dunia dan hanya bertawakkal kepada Allah semata-mata tanpa berusaha. Sebahagian mereka terkenal dengan gelaran yang berasaskan pekerjaan mereka misalnya Hamaddun al-Qassar (pencuci Baju) dan Abu Jafar al-Haddad (Tukang besi). Di Tanah Melayu, tokoh sufi juga mempunyai kedudukan ekonomi yang kukuh malah dapat menjalankan dakwah tanpa berhadapan masalah kekurangan harta benda dan wang ringgit. Di Selangor Tuan Haji Yusuf Shahabuddin, pengamal Tarekat Naqsyabandiah pernah dilantik sebagai mufti pertama pada zaman pemerintahan Sultan Hisyamuddin Alam Shah. Beliau berjaya membuka pusat pengajian pondok di Perak dengan kekuatan kewangannya sendiri memandangkan beliau memiliki ladang kelapa seluas 117 ekar (Idris & Idris 2008).

Ulama tasawuf turut memberikan sumbangan besar dalam bidang dakwah dan pendidikan rohani dan akhlak masyarakat. Abu Hassan al-Nadawi menjelaskan sejauhmana kesan dan pengaruh akhlak, pengajaran, pendidikan ulama sufi dalam masyarakat. Antaranya peranan yang dimainkan oleh Ahmad Syahid (al-Nadawi 2010). Katanya tentang ahli sufi, Syeikh Ahmad Syahid: “Sesungguhnya masyarakat menerimanya dengan penerimaan yang tidak ada bandingannya. Setiap kali beliau datang ke satu-satu negeri, beliau akan dibaiah oleh ramai orang. Beliau pernah tinggal di Culcutta selama dua minggu. Bilangan yang berbaiah dengannya lebih kurang seribu orang setiap hari. Kesan daripada nasihat-nasihat para sufi kebanyakan anggota masyarakat berpegang kepada agama dan syari’at. Natijahnya, perdagangan minuman keras di Culcutta terhenti meskipun Culcutta adalah kota terbesar di India dan pusat pemerintahan British sehinggakan para pedagang enggan membayar cukai kepada kerajaan dengan alasan perniagaan arak mereka tidak laku.”

Tambah Abu Hassan al-Nadawi lagi, keadaan ini adalah kesan daripada akhlak para da’i, para sufi, para syeikh kerohanian yang diikuti masyarakat dengan jumlah yang sangat ramai di negara yang luas ini. Mereka bertaubat daripada segala maksiat, kemungkaran dan hawa nafsu. Mereka berakhlak dengan akhlak yang terpuji dan dasar-dasar yang mulia dalam tempoh waktu yang cukup panjang (al-Nadawi 2010).”

Dalam kitabnya, *“Rijal al-Fikrah wa al-Da’wah fi al-Islam”* al-Nadawi turut memaparkan peranan ‘Abd al-Qadir al-Jilani, seorang sufi dan mujahid yang agung dalam penyebaran Islam. Beliau menyebut bahawa bilangan yang hadir dalam majlis ilmu Abd al-Qadir al-Jilani sekitar 70 ribu orang. Kalangan Yahudi dan Nasrani yang telah memeluk Islam di tangannya sekitar 5 ribu orang. Penjahat dan petualang yang bertawbat di tangan beliau adalah lebih kurang 100 ribu orang. Syeikh membuka pintu baiah dan tawbat di hadapannya malah mendidik dan mengawasi perkembangan kefahaman dan penghayatan agama mereka. Syeikh turut memberi ijazah kepada sesiapa yang didapatinya pintar, istiqamah dan mempunyai kemampuan untuk mendidik insan (al-Nadawi 2002).

Seterusnya ‘Abd al-Qadir ‘Isa memetik pandangan Sabri ‘Abidin berkaitan peranan dan jasa golongan sufi dalam pembentangan kertas kerjanya bertemakan *“Kaum Sufi dan Hubungannya dengan Agama”*. Beliau menyebutkan bahawa kaum Nasrani mengakui bahawa

sebelum mereka sempat sampai ke daerah-daerah yang jauh daripada kebudayaan dan peradaban di Afrika dan Asia, mereka telah dapati kaum sufi telah mendahului dan mengalahkan mereka. Di sempadan Ethiopia, Sudan dan Eritria, kaum sufi telah berjaya melumpuhkan kekuatan Kristian yang telah bertahan lebih 40 tahun ('Isa 2013).

Dunia kontemporari turut membariskan ramai tokoh-tokoh tasawuf yang berjasa besar dalam mendidik rohani umat sebagai kesinambungan warisan usaha ulama tasawuf silam antaranya Maulana Muhammad Ilyas al-Kandahlawi (1944M), Imam al-Syahid al-Banna (1049M), Shaykh Maulana Abdul Aleem Siddique al-Qaderi(1954M), Sulaiman Hilmi Tunahan (1959M), Shaykh Mohamad Zahid Kotku (1980M), Maulana Muhammad Zakariya al-Kandahlawi (1982M), Shaykh Muzaffir Ozak (1985M) dan Syeikh Bawa Muhaaiyadeen (1986M) (Mohd Faizal 2015).

Kitab-kitab yang ditulis oleh ahli sufi sepanjang zaman terbukti diterima sebagai bahan pengajaran dan pendidikan malah di ajar di pelbagai pondok, surau dan masjid-masjid. Misalnya kitab *Sharab al-'Ashikin* dan *Asrar al-'Arifin* karya Hamzah al-Fansuri, *Bustan al-Salatin* karya Nuruddin al-Raniri, *Hikam Tok Pulau Manis*, *Ma'arij al-Lahfan li al-Taraqqi ila Haqa'iq al-Irfan* karya Tokku Paloh, *Hidāyah al-Sālikīn* karya Abdul Samad al-Falimbani dan kitab *Jalal al-Qulub fi zikrillah* karya Tuan Tabal. Kitab-kitab ini kebanyakannya menjadi teks pengajaran tasawuf dalam kalangan penduduk Tanah Melayu selain kitab-kitab tokoh sufi terkenal daripada Timur Tengah seperti kitab *Ihya' Ulum al-Din* dan *Bidayah al-Hidayah* karya al-Ghazali, *Kitab Hikam* karya Ibn 'Ata' Allah al-Sakandari, *Kitab Tanbih al-Ghafilin* karya al-Samarqandi, *Kitab Sir al-Asrar* karya 'Abd al-Qadir al-Jilani dan lain-lain lagi (Che Zarrina 2004).

Sumbangan mereka hakikatnya menjunjung tinggi matlamat tasawuf sebagaimana yang dinyatakan oleh Syeikh Abdul Hafiz Faraghli Ali al-Qarani dalam kitabnya, *Mabadi' al-Tasawwuf al-Islami* iaitu pertamanya mengenal Allah dengan cara bersungguh-sungguh dalam beribadah kepada-Nya. Kedua: Penyucian, pembersihan dan peningkatan jiwa sehingga jiwa layak memperoleh makrifat Ilahi. Ketiga: Membina masyarakat yang sejahtera dengan asas yang baik, akhlak yang mulia serta berpegang dengan syariat agama.

Relevansi Tasawuf dan Pembangunan Rohani Insan

Tasawuf merupakan ilmu yang memberi penekanan kepada *tazkiyyah al-nafs* berasaskan *mujahadah* dan *riyadhah*. Tasawuf memberi tumpuan kepada pembangunan rohani insan memandangkan akhlak dan tingkahanu seseorang adalah penjelmaan daripada kebersihan jiwa seseorang (Jahid Sidek 2010). Masyarakat hari ini dilihat terdedah dengan pelbagai dosa, maksiat dan tarikan nafsu yang kelak akan mengheret mereka kepada kebinasaan dan kemusnahan. Keadaan jadi semakin parah dengan cabaran pengaruh yang datang dari Barat.

Mohd Hisyam Nawawi (2011) menyatakan bahawa globalisasi yang dibawa oleh Barat telah menambahkan lagi krisis akhlak dan kebejatan sosial dalam kalangan masyarakat Islam. Melalui globalisasi, masyarakat Islam terpaksa berhadapan dengan banjir maklumat yang tidak benar dan tidak berguna. Teknologi dalam globalisasi perlahan-lahan menghakis nilai-nilai etika dan kemanusiaan. Globalisasi melahirkan umat yang mengamalkan budaya kebendaan (*materialisme*) dan pentingkan keseronokan (*hedonisme*) sehingga menjadikan masyarakat hilang kawalan moral dan mengetepikan peranan agama dalam kehidupan.

Pandangan Dato' Setia Haji Mohd Tamyas bin Abdul Wahid (2015) menegaskan lagi perkara ini. Menurut beliau akal budi masyarakat hari ini hakikatnya telah dikuasai oleh ideologi, budaya dan agama dari Barat yang membawa banyak implikasi sosial khususnya perleburan budaya serta penjajahan pemikiran. Fenomena ini telah menghasilkan 'generasi hamba' yang terkongkong dari segi minda akibat serangan pemikiran yang lebih bahaya daripada serangan bersenjata. Generasi hamba ini membanggakan budaya Barat serta memperkecilkan dan merendah-rendahkan budaya sendiri kerana beranggapan budaya sendiri tidak lagi relevan dengan perkembangan zaman.

Statistik dan fenomena keruntuhan akhlak dan sosial yang berlaku hari ini misalnya membuktikan masalah ini. Masalah mental yang menimpa kebanyakan individu mendorong mereka membunuh diri. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menganggarkan bahawa hampir sejuta orang membunuh diri setiap tahun. 60 peratus berlaku di negara-negara Asia. Di peringkat tempatan pula menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh Timbalan Menteri Kesihatan Dato' Rosnah Abdul Rashid Shihhin pada 9 Oktober 2013, kes pesakit mental dalam kalangan remaja berusia 25 tahun ke bawah meningkat daripada 13 peratus tahun 1996 kepada 19 peratus pada tahun 2006 dan 20 peratus pada tahun 2012 (*Harian Metro* 2013).

Menurut Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk We Ka Siong sepanjang tahun 2010 sebanyak 5,212 kes vandalisme berhubung kait dengan penyalahgunaan harta sekolah sama ada mengakibatkan kerosakan atau pencemaran (Mohd Fuad et al. 2017). Manakala Tan Sri Lee Lam Thye, Naib Pengerusi Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF) berkata kes jenayah yang membabitkan jenayah juvana bertambah dari tahun ke tahun. Menurut statistik pada tahun 2013, seramai 7,816 kes jenayah juvana yang membabitkan pelajar sekolah dengan peningkatan lebih 57% dan peningkatan 47% kes yang membabitkan remaja antara umur 12-17 tahun. Sebanyak 2,011 kes berlaku pada tahun 2013 berbanding 849 kes pada tahun-tahun sebelumnya. Menurut Lee antara puncanya adalah dinamisme masyarakat berubah. Langit terbuka memberi ruang untuk pelbagai perkara negatif. Tiada siapa yang mampu mengawal apa yang dibaca dan dilihat oleh anak-anak di dunia siber termasuk keganasan dan pornografi (*Berita Harian* 2014).

Statistik di atas membenarkan pandangan Zulkifli Abdul Ghani (2008) yang menyatakan bahawa ummah hari ini sedang menuju kepada pembentukan masyarakat bermaklumat yang bersifat *super-sekular* iaitu masyarakat yang semakin jauh daripada mengakui dan mengabdikan diri kepada Allah. Manakala menurut Ahmad Rakzun (1997), permasalahan akhlak yang melanda masyarakat Islam khususnya bukanlah disebabkan oleh kekurangan ilmu atau maklumat di kalangan umat Islam tetapi hakikatnya berpunca daripada hati yang mati, hati yang jauh daripada Allah sehingga tidak mampu membezakan antara kebaikan dan keburukan dan antara kehendak syari'at dan tuntutan nafsu.

Hawwa (1999) menyatakan bahawa kesan langsung daripada hati yang mati adalah hilangnya nilai-nilai spiritual keimanan seperti sabar, syukur dan takut kepada Allah. Sifat-sifat ini sangat diperlukan untuk membina kehidupan dunia yang baik kerana jika hati mati kelak akan muncul sifat-sifat keji atau mazmumah seperti hasad dengki, *ujub* dan *ghurur* yang kemudiannya menumbuhkan akhlak yang keji dan membahayakan kehidupan manusia. Justeru itu, memberikan perhatian kepada nilai-nilai ini merupakan kewajipan bagi orang yang ingin memperbaiki kehidupan dan mencapai keredaan Allah.

Pandangan Anas Rakzun (1997) dan Hawwa (1999) disokong oleh Malik Bennabi yang menyatakan bahawa jaringan sosial amat penting dalam menentukan jatuh bangunnya peradaban manusia. Penyakit sosial yang menyerap ke dalam jasad sesebuah masyarakat akan memecah dan mencarik jaringan sosial itu dan sekali gus mengakibatkan proses kehancuran masyarakat berlaku secara beransur-ansur. Hubungan sosial menjadi rosak apabila perasaan sombong, takbur keinginan memuaskan nafsu dan sikap individualisme menenggelamkan jati diri manusia (Norazlan Hadi & Aiza 2014).

Meninjau pandangan beberapa penulis tempatan, Nor Fadhilah Abdul Rahman dan Zakaria (2014) menyatakan faktor utama yang menjadi punca berlakunya penyimbangan nilai dalam kalangan masyarakat kini adalah peribadi insan yang memiliki pelbagai sifat keji seperti cinta dunia, sombong, bosan, marah dan bangga diri. Hakikatnya bila rohani atau jiwa manusia rosak maka akan mewujudkan pelbagai masalah akhlak dan kerosakan.

Berdasarkan fenomena yang dibincangkan di atas pendekatan dan metodologi tasawuf dilihat penting dalam usaha mendidik dan membangunkan rohani insan. Jiwa anak bangsa hari ini amat memerlukan suntikan pendidikan kerohanian yang tulus sebagaimana penekanan yang diutarakan oleh al-Ghazali dalam karyanya, *Ihya 'Ulum al-Din*. al-Ghazali (1996) menjelaskan bahawa tujuan ilmu tasawuf adalah membebaskan jiwa daripada belenggu hawa nafsu, mendidik jiwa mengenal Allah dan bersungguh-sungguh beribadah kepada-Nya. Jiwa yang terdidik ini akan menonjolkan akhlak mulia dalam konteks hubungannya dengan Allah, sesama manusia dan alam sekeliling (al-Qarani 2013):

Sehubungan dengan itu, usaha ke arah melahirkan insan yang sempurna, seimbang dan mampu memberi manfaat kepada masyarakat perlu mengambil kira keseimbangan di antara pembangunan jasmani dan rohani. Ini kerana manusia diciptakan Allah daripada unsur jasmani dan rohani. Zakaria (2004) menjelaskan bahawa diri individu manusia yang ditugaskan sebagai khalifah itu mesti diusahakan pembangunan dirinya agar terhias dengan nilai-nilai positif yang boleh menyumbang kepada kebaikan. Usaha pembangunan insan ini hakikatnya terarah untuk melengkapkan manusia agar cukup berupaya mengelak daripada terjerat dan dikuasai hawa nafsu yang boleh menyebabkan mereka tersesat dan menjadi jauh daripada Allah. Inilah yang dimaksudkan dengan pembangunan rohani insan. Dalam surah al-Saf ayat 26 dan surah al-Aaraf ayat 176 misalnya Allah sangat melarang keras manusia daripada mematuhi kehendak hawa nafsu jahat (Zakaria 2004).

Pandangan dan pendapat di atas menunjukkan bahawa aspek rohani manusia merupakan hakikat pembangunan insan yang sebenarnya. Manusia tidak akan mampu menyumbang kepada kebaikan demi kesejahteraan ummah sekiranya pembangunan rohani mereka diabaikan.

al-Qardhawi (1996) menyatakan bahawa orang yang hidup tanpa akidah dan iman yang teguh akan sering terbabit dalam masalah tekanan jiwa, ketegangan saraf dan kekacauan pemikiran. Beliau memetik kata-kata penyair Arab yang berbunyi:

“Bukanlah mayat itu orang yang mati yang berehat dengan tenang,
Sesungguhnya mayat itu adalah mayat orang-orang yang hidup,
Sesungguhnya mayat itu adalah orang yang selalu hidup dalam kepiluan,
Orang yang hidup dengan hati yang kecewa dan putus harapan.”

Pandangan Yusuf al-Qardhawi di atas menjelaskan kepentingan pembangunan aspek rohani manusia dalam kehidupan. Orang yang memiliki rohani atau jiwa yang mati umpama mayat hidup. Malah, al-Qarani (2003) dalam kitabnya *Mabadi' al-Tasawwuf* menyebut bahawa pembangunan rohani adalah tonggak kejayaan kepada pembangunan fizikal manusia serta jaminan kepada kesejahteraan hidup. Pembinaan nilai-nilai kerohanian yang kukuh menjadi tonggak kepada keutuhan sesebuah negara Islam. Setinggi manapun kemajuan dan pembangunan yang telah dicapai oleh mana-mana negara tanpa melalui proses pembinaan kerohanian yang mantap samalah ertinya membangun istana pasir. Ia tidak bernilai dan akan runtuh bila-bila masa sahaja. Inilah peranan tasawuf. Hanya nilai kerohanian sahaja yang mampu memelihara kebahagiaan dan ketenangan manusia sejagat (al-Qarani 2008).

Pandangan ini menjelaskan kepada kita kepentingan pembangunan rohani dan kaitannya yang erat di antara pembangunan rohani dan kajian ilmu tasawuf. Sekiranya aspek ini dibangunkan dengan baik kelak akan memberi pengaruh yang besar pada kebaikan tingkah laku dan akhlak seseorang insan seterusnya memberikan impak positif kepada pembangunan tamadun ummah seluruhnya.

Sehubungan dengan itu, sarjana Islam bersetuju bahawa tasawuf adalah penyelesaian kepada permasalahan hati dan rohani yang mati. Rohani ini perlu dibangunkan berteraskan kaedah tasawuf. Sulaiman Yasin memetik kata-kata Syeikh Muhammad al-Ghazali yang menyatakan bahawa Islam sangat memerlukan sudut ilmu tasawuf dalam mensuci dan membangunkan jiwa atau rohani manusia. Islam sebagai al-din tidak mendapat manfaat daripada kepetahan lidah dan ketajaman pena para ilmuwan dan sarjana Islam yang batinnya kosong serta tergoncang oleh keseronokan dan keindahan dunia. Sebaliknya Islam mendapat manfaat daripada para ulama dan ilmuwan yang dapat menggerakkan dan menyedarkan hati yang lalai, dapat menyerapkan rasa *khasyatullah* (takutkan Allah) bagaikan bumi yang disegarkan oleh curahan hujan dari langit. Islam hanya akan subur di bumi Allah ini hasil usaha penganutnya yang mewarisi tugas kenabian sebagai pelita penyuluh dalam kegelapan hidup, sebagai penghidup hati yang mati dan sebagai tabib pengubat jiwa yang sedang sakit (Sulaiman 1992).

Kepentingan tasawuf dalam menghidupkan hati yang mati dan membangun atau menghidupkan rohani insan ditegaskan juga oleh Zulkifli (2008) yang menyatakan amalan tasawuf menyediakan premis penting untuk mengembangkan dan membangun masa depan umat Islam yang sedang diselubungi kekecewaan, takut, bimbang dan merasa ketidaktentuan hidup di era globalisasi ini. Tasawuf boleh mengisi ruang kosong kehampaan hidup akibat kekeringan dan kemiskinan rohani. Praktik tasawuf seperti berzikir kepada Allah dalam pengertian yang luas boleh menanam kekuatan dalaman dan menjadi sumber nilai yang kuat untuk dijadikan panduan hidup. Seterusnya menurut Dato' Murtadha (2008) untuk menghidupkan hati, maka tasawuflah yang berperanan sebagai medium untuk menyuburkan semula hati yang mati akibat kelalaian daripada mengikuti syari'at dan mengingati Allah. Tasawuf mendidik umat Islam untuk melakukan amal ibadah di samping penjagaan hati, pengikisan sifat mazmumah, penerapan sifat mahmudah, berakhlak dan mempunyai hubungan yang baik sesama makhluk. Inilah perkara yang dapat menghidupkan hati seterusnya membina generasi Islam yang berwibawa dan dinamik.

'Isa (2005) seterusnya menyatakan tasawuf ialah ilmu yang secara khas menumpukan perhatiannya kepada soal hati, keaiban hati dan cara rawatannya. Menerusi tasawuf, semua

hijab jiwa dapat dipangkas dan semua sifat yang tercela dapat dibersihkan sehingga seseorang dapat membebaskan hatinya kepada selain daripada Allah dan menghiasi jiwa dengan zikir. Tasawuf sangat memberi perhatian kepada hati dan jiwa namun tidak mengabaikan aspek ibadah dan harta. Tasawuf merumuskan kaedah praktis yang dapat membantu muslim mencapai tingkat kesempurnaan iman dan akhlak. Tasawuf adalah roh dan jantung Islam yang sentiasa bernadi.

Manakala dalam semangat yang sama, Abuddin (2004) berpendapat bahawa pembunuhan, penipuan, penyalahgunaan ubat terlarang, pergaulan bebas yang membawa kepada penyimpangan seksual, penimbunan harta kekayaan, keadilan yang disia-siakan dan sebagainya adalah bermula daripada kekotoran jiwa manusia iaitu jiwa yang jauh daripada pedoman Tuhan akibat manusia tidak ingin mendekati-Nya. Untuk mengatasi masalah ini tasawuf lah yang paling memiliki potensi dan keutamaan kerana di dalam tasawuf dibina secara intensif cara-cara agar seseorang selalu merasakan kehadiran Tuhan dalam dirinya. Akhirnya ia malu untuk melakukan kejahatan dan penyimpangan kerana terasa sentiasa diperhatikanNya.

Pandangan beliau menjelaskan fenomena yang melanda masyarakat moden hari ini. Punca kerosakan antaranya kerana hati manusia tidak mampu mengenali penciptanya malah semakin jauh daripada Allah. Pandangan beliau disokong oleh Nordie Achi (2012) yang mengemukakan pandangan Sa'id Hawwa:

“Kita hidup dalam zaman materialisme, zaman yang menuntut kita menghadapinya dengan fikiran yang matang dan dengan kehidupan rohaniyyah yang tinggi. Kita juga berada di zaman hawa nafsu besar sehingga kita harus menghadapinya dengan kerinduan rohaniyyah yang membara.”

Menurut Sa'id Hawwa tanpa manfaat tasawuf manusia seringkali tidak mampu mengubati sebahagian besar penyakit jiwa manusia yang ada pada zaman ini. Permasalahan kejiwaan memerlukan pendidikan rohani atau spiritual. Perbincangan tentang hati dan kepentingannya merupakan antara topik utama ulama tasawuf sehingga mereka menjadi golongan yang paling mahir dalam bidang ini namun hasil daripada kekeliruan faham segolongan manusia terhadap ilmu tasawuf ini menjadikan usaha ke arah mengubati kesihatan rohani dan hati manusia berubah menjadi tuduhan kesesatan dan penyelewengan. Akibatnya, penyakit hati bertambah subur dan meluas. Agenda penyucian jiwa manusia sewajarnya menjadi antara agenda utama gerakan pembaharuan dan kebangkitan Islam (Rumaizuddin Ghazali 2014).

Muhammad Amin al-Kurdi menjelaskan bahawa tasawuf adalah ilmu yang dengannya dapat diketahui baik dan buruknya keadaan kerohanian manusia serta dapat diketahui cara-cara untuk membersihkannya daripada keburukan dan kejahatan dan menggantikannya dengan sifat-sifat yang terpuji. Natijah daripada Tasawuf ialah hati yang bersih dan keredaan Allah (Rumaizuddin Ghazali 2014).

Resolusi *Seminar Antarabangsa Dakwah dan Tariqat Tasawuf* yang berlangsung pada 17-18 Ogos 2002 menyatakan peri pentingnya amalan tasawuf dalam menjana kekuatan rohani ummah sebagaimana berikut:

“Pegangan dan amalan tareqat sunni-salafi dapat mendidik manusia sebagai individu masyarakat dan mampu menjadi penjana kekuatan rohaniah umat Islam bagi mencapai kemuliaan hidup serta menghadapi cabaran sepanjang zaman. Ia juga diyakini dapat menyelesaikan masalah kejiwaan generasi kini yang menghadapi konflik jiwa dan cabaran globalisasi. Justeru tuntutan dakwah dan amar makruf nahi mungkar serta amalan praktik tareqat tasawuf perlu diterapkan dalam proses pendidikan setiap lapisan generasi muslim”

Hakikatnya intipati dan matlamat ilmu tasawuf adalah rawatan dan penyucian jiwa. Apabila jiwa suci dan tidak mati, manusia akan dapat menjalani hidup dengan penuh ketenangan, kebahagiaan dan kesejahteraan. Inilah ciri yang diperlukan bagi membentuk tamadun dan masyarakat yang bertakwa, berjaya, makmur dan sejahtera.

Kesimpulan

Berdasarkan pandangan-pandangan yang dikemukakan di atas, dapat dirumuskan bahawa disiplin ilmu tasawuf dilihat relevan dan memainkan peranan yang besar dalam membangunkan insan semenjak dahulu hingga hari ini. Tasawuf merupakan solusi dan pendekatan terbaik dalam usaha membangun aspek rohani insan kerana ilmu ini hakikatnya memberikan tumpuan dengan lebih mendalam tentang soal hati manusia dan penyucian jiwa manusia berbanding ilmu-ilmu Islam lainnya. Pembangunan rohani insan merupakan aspek penting yang perlu dititikberatkan bagi melahirkan generasi rabbani yang teguh keimanan dan keperibadiannya. Rohani insan yang bersih dengan cahaya keimanan dan ketakwaan akan mampu mengalahkan bisikan hawa nafsu dan hasutan syaitan seterusnya memancarkan akhlak mulia dan terpuji yang dijelmakan pada tingkah laku dan perbuatan seseorang. Rohani yang bersih juga mampu menjadi benteng yang mampu melindungi masyarakat daripada terjebak dengan pengaruh luar yang merosakkan.

Rujukan

- ‘Abd al-Ghani, ‘Abd al-Hakim Qasim. 1989. *al-Madhab al-Sufiyyah wa Madarisuha*. al-Qahirah: Maktabat Madbuli.
- Abuddin Nata. 2004. *Metodologi Studi Islam*. Jakarta: PT Raja Grafindo Persada.
- Ahmad ‘Ata, ‘Abd al-Qadir. 1987. *al-Tasawwuf al-Islami bayna al-Asalah wa al-Iqtibas fi al-‘Asr al-Nabulsi*. Bayrut: Dar al-Jamil.
- Ahmad Rakzun, Anas. 1997. *Manhaj al-Islam fi Tazkiyyah al-Nafs*. Bayrut: Dar Nur
- Ali Murtadha. 2008. *Penjanaan Tariqat Tasawwuf dalam Pembangunan Rohani Negara Negeri Sembilan*: Jabatan Mufti Kerajaan, Negeri Sembilan.
- Berita Harian*. 2014. 5 Jun.
- Che Haslina Abdullah. 2013. Pembinaan tamadun Islam seimbang melalui psikologi Islam. *Jurnal Hadhari* 5(1): 199-213.
- Che Zarrina Sa’ari. 2003. Peranan tasawuf dalam pembangunan spiritual umat Islam di Malaysia. Dlm. Mohd Fauzi Hamat, Mohd Fakhrudin Abdul Mukti & Che Zarrina Sa’ari (pnyt). *Pemikiran Islam dan Cabaran Semasa*. Kuala Lumpur: Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Universiti Malaya.
- Che Zarrina Sa’ari. 2004. Tasawuf: Sejarah dan perkembangannya hingga kini. Dlm. Wan Suhaimi Wan

- Abdullah & Che Zarrina Sa'ari (pnyt). *Tasawuf dan Ummah*, hlm. 1-34. Kuala Lumpur: Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Universiti Malaya.
- al-Ghazali, Muhammad. 1996. *Tujuan Hidup Para Sufi*. Terj. Kuala Lumpur: Pustaka Ilmi.
- Faudzinain Badaruddin. 2006. Pembangunan ummah: Relevansi peranan tasawuf dalam konteks moden. Dalam *Budaya dan Pemikiran Islam Mesir-Malaysia*. Bangi: Jabatan Usuluddin dan Falsafah UKM.
- Hawwa, Sa'id. 1999. *al-Tarbiyyah al-Ruhiyyah*. al-Qahirah: Dar al-Salam.
- Ibn Ashur, Muhammad Tahir. 1984. *Tafsir al-Tahrir wa al-Tanwir*. Tunis: Dar al-Tunisiyyah.
- Ibn Khaldun. 2000. *Mukaddimah Ibn Khaldun*. Terj. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Idris Abdullah & Idris Endot. 2008. Peranan tariqah tasawuf dalam dakwah dan penyebaran ilmu pengetahuan di Malaysia. Dlm. *Penjanaan Tariqat Tasawwuf dalam Pembangunan Rohani Negara*. Negeri Sembilan: Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan.
- 'Isa, 'Abd al-Qadir. 2013. *Haqa'iq 'an al-Tasawwuf*. al-Qahirah: Dar al-Maqtam.
- Harian Metro*. 2013. 17 Oktober.
- Jahid Sidek. 2010. *Shaikh dalam Ilmu Tariqah*. Cheras: al-Falah Publications Sdn. Bhd.
- al-Jilani, Abu Muhammad 'Abd al-Qadir ibn Abu Salih 'Abd Allah ibn Janki. 2016. *Sirr al-Asrar wa Muzhir al-Anwar*. al-Qahirah: Maktabat al-Thaqafah al-Diniyyah.
- Jalati, Bashir. 1998. *Haqiqat al-Tasawwuf bayna al-Ta'sil wa al-Ta'thir*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Kalabazi, Abu Bakar Muhammad Ibn Ishaq al-Bukhari. 2013. *al-Ta'ruf li Mazhab Ahli al-Tasawwuf*. Tahqiq. Abdul 'Aziz, Abdul al-Mun'im. Bayrut: Majmu'at al-Musannifat al-Ghumariyyah.
- Kamus Dewan*. 2005. Edisi ke-4. Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka.
- M. Shodiq. 1998. *Kamus Istilah Islam*. Jakarta: C.V. Shientarama.
- Mohd Faizal Harun. 2015. *Tasawuf dan Tarekat: Sejarah Perkembangan dan alirannya di Malaysia*. Sintok: Universiti Utara Malaysia Press.
- Mohd Fauzi Hamat & Mohd Khairul Naim Che Nordin. 2012. *Akidah dan Pembangunan Insan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mohd Fuad Othman, Mohd Aderi Che Noh, Maimun Aqsha Lubis & Wan Nurul Syuhada' Wan Hassan. 2017. Pendidikan rohani berasaskan sains al-Quran. *Asean Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization* 1(1): 64-77.
- Mohd Murtadha Ahmad. 2008. *Penjanaan Tariqat Tasawwuf dalam Pembangunan Rohani Negara*. Negeri Sembilan: Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan.
- Mohd Rumaizuddin Ghazali. 2014. Tasawuf menurut perspektif Sa'id Hawwa dengan tumpuan kepada buku *Tarbiyyatuna al-Ruhiyyah*. *Journal 'Abqariy* 4: 115-143.
- Mohd Tamyas Abdul Wahid. 2015. Cabaran ulama sebagai pencetus kebangkitan ummah dalam mendepani arus globalisasi. *Persidangan Antara Bangsa Tokoh Melayu Nusantara*, Selangor.
- Mohd Hisyam Nawi. 2011. *Konsepsualisasi Semula Kurikulum Pendidikan Islam*. Perak : Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mubarak, Zaki. 1988. *al-Tasawwuf al-Islami fi al-Adab wa al-Akhlak*. al-Qahirah: Maktabat al-Thaqafah al-Diniyyah.
- Muhammad Ibrahim, Majdi. 1988. *al-Tasawwuf al-Sunni Hal al-Fana' bayna al-Junayd wa al-Ghazali*. al-Qahirah: Maktabat al-Thaqafah al-Diniyyah.
- al-Nadawi, Abu Hassan 'Ali al-Husayni. 2002. *Rijal al-Fikr wa al-Da'wah wa fi al-Islam*. Jil. 1. Dimashq: Dar al-Qalam.
- al-Nadawi, Abu Hassan 'Ali al-Husayni. 2010. *Rabbaniyyah la Rahbaniyyah*. Bayrut: Dar Ibn Kathir.
- Nor Fadhilah Abdul Rahman & Zakaria Stapa. 2014. Pembangunan kerohanian berasaskan al-Muhasibi dalam menangani gejala sosial masa kini. *WCIK e-Journal of Integration Knowledge* 2: 45-65. <https://worldconferences.net/journals/wcik/archive.html>
- Norazlan Hadi Yaakob & Aiza Maslan @ Baharudin. 2014. Manusia dan perkembangan peradaban: Beberapa aspek pemikiran Malek Bennabi dan Ali Syariati. *Journal of Human Capital Development* 7(1): 83-97.
- Nordi Achie. 2012. *Fitnah Sufi: Fatarmogana Tasawuf Fenomena Tareqat*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- al-Qarani, Shaykh Abd al-Hafiz Faraghli 'Ali. 2003. *Mabadi' al-Tasawwuf al-Islami*. Terj. Muhammad Zaidi Ramli. Negeri Sembilan: Jabatan Mufti Negeri.
- al-Qarani, Shaykh Abdul Hafiz Faraghli Ali. 2008. *Prinsip-Prinsip Tasawuf Islam*. Terj. Muhammad Zaidi

- Ramli. Negeri Sembilan: Jabatan Mufti kerajaan Negeri Sembilan.
- al-Qardawi, Yusuf. 1996. *Pengantar Kajian Islam*. Terj. Setiawan Budi Utomo. Jakarta: Pustaka al-Kauthar.
- al-Sakandari, Ibn 'Ata Allah. 2011. *Bahjah al-Nufus Sharah Taj al-Arus al-Hawi li Tahzib al-Nufus*. Zulkifli al-Bakri (pnyt). Negeri Sembilan: Pejabat Mufti Kerajaan Negeri Sembilan.
- Seminar Antarabangsa Dakwah dan Tareqat Tasawuf. 2002. *Resolusi Seminar*. Negeri Sembilan: Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan.
- Siddiq Fadhil. 2014. *Pembangunan Umat Cemerlang: Agenda Menyambut Abad Asia*. Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin.
- al-Suhrawardi, 'Umar. t.th. *'Awarif al-Ma'rif*. al-Qahirah: Maktabat Iman.
- Sulaiman Yasin. 1984. *Mengenal Ilmu Tasawuf*. Kuala Lumpur: Pustaka al-Rahmaniyyah.
- al-Shafi'i, Hassan & al-Qajami, Abu Yazid. 2007. *Fi al-Tasawwuf al-Islami*. al-Qahirah: Dar al-Salam.
- Syamsul Bahri Andi Galigo. 2004. *Pemikiran Tasawuf Syeikh Abu Mahasin Yusuf al-Taj*. Kuala Lumpur: Unit Penerbitan KUIM.
- Syed Othman al-Habsyi, 2010. Islam dan pembangunan ekonomi di Malaysia: Satu perubahan paradigm. Dlm. *Kongres Menjelang Abad-21: Islam dan Wawasan 2020*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya
- Zakaria Stapa. 2004. Tasawuf dan pembangunan ummah hakiki. Dlm. Wan Suhaimi Wan Abdullah & Che Zarrina Sa'ari (pnyt.). *Tasawuf dan Ummah*. Kuala Lumpur: Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Universiti Malaya.
- Zulkifli Yusuf. 2004. Pembangunan ummah daripada perspektif al-Qur'an. *Journal of al-Qur'an & al-Hadith* 2: 57-70.
- Zulkiple Abdul Ghani. 2008. Relevansi tasawwuf dalam era globalisasi. Dlm. *Penjanaan Tariqat Tasawuf dalam Pembangunan Rohani Negara*. Negeri Sembilan: Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan.